



**Bahagian A**  
[ 20 markah ]

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

**Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Juara beregu badminton wanita dari Malaysia \_\_\_\_\_ piala yang dimenangi oleh mereka.  
**A** menatang  
**B** merangkul  
**C** menjulang  
**D** menjunjung
  
- 2 Penduduk pedalaman Sarawak menggunakan buluh yang \_\_\_\_\_ untuk memburu binatang.  
**A** tirus  
**B** nipis  
**C** pipih  
**D** runcing
  
- 3 Pasukan hoki Sekolah Kebangsaan Bestari enggan menyerah kalah walaupun pasukan lawan \_\_\_\_\_ mendahului perlawanan.  
**A** akan  
**B** sedang  
**C** belum  
**D** pernah
  
- 4 Anak-anak kapal itu bersyukur kerana \_\_\_\_\_ berjaya mengawal kapal daripada terkandas di beting pasir.  
**A** jurumudi  
**B** jurupandu  
**C** juruterbang  
**D** jurugegas

*Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan yang diberikan.*

- 5 Pertandingan badminton Piala Thomas mendapat sambutan hangat daripada peminat-peminatnya.
- A Apakah pertandingan yang diminati oleh peminat-peminatnya?
  - B Mengapakah pertandingan badminton Piala Thomas itu diminati?
  - C Benarkah pertandingan badminton Piala Thomas mempunyai peminatnya?
  - D Bagaimanakah sambutan peminat terhadap pertandingan badminton Piala Thomas itu?
- 6 Semua guru telah bersetuju agar \_\_\_\_\_ Tokoh Murid tahun ini akan menerima wang tunai dan sijil penghargaan.
- A menganugerahkan
  - B penganugerahan
  - C menganugerahi
  - D dianugerahkan
- 7 Ayah menyuruh saya menutup suis televisyen kerana kilat \_\_\_\_\_ dan hujan turun dengan amat lebat.
- A balas – membalas
  - B pancar – memancar
  - C sabung – menyabung
  - D sambar – menyambar
- 8 Walaupun sungai itu cetek, tetapi aliran airnya sangat deras.  
Pilih perkataan **sinonim** bagi perkataan bergaris.
- A tohor ... laju
  - B pendek ... jelas
  - C singkat ... cepat
  - D sedikit ... pantas
- 9 Mereka bekerjasama untuk melakukan kerja-kerja menyokong bumbung pondok itu.  
Pilih perkataan **antonim** bagi menyokong
- A membina
  - B merobohkan
  - C merobekkan
  - D memasang

- 10 Murid-murid yang sedang berlatih di padang, lari \_\_\_\_\_ apabila hujan mulai turun.
- A berkejaran
  - B berkeliaran
  - C bertaburan
  - D bertempiaran
- 11 Para tetamu \_\_\_\_\_ dengan kecantikan pengantin perempuan yang disolek oleh juruandam terkenal itu.
- A terpukau
  - B terperanjat
  - C terlopong
  - D termangu
- 12 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Cikgu Kamal : Aiman, beritahu kepada semua ahli Rumah Merah kita supaya berkumpul di padang sekolah pada petang ini untuk menjalani latihan sukan.

Aiman : Baiklah, pesan cikgu akan saya sampaikan.

Kenyataan manakah yang sesuai dengan dialog di atas?

- A Cikgu Kamal menyuruh murid-murid berada di padang pada masa yang ditetapkan.
  - B Aiman menyampaikan arahan Cikgu Kamal kepada semua murid supaya berkumpul di padang.
  - C Ahli rumah sukan itu dikehendaki oleh Cikgu Kamal berada di padang sekolah pada waktu petang untuk menjalani latihan.
  - D Semua murid Cikgu Kamal diminta berkumpul di padang sekolah untuk menjalani latihan sukan pada waktu petang.
- 13 *Pilih jawapan yang betul berdasarkan ayat tanya di bawah.*

Siapakah yang akan menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Pidato Piala Diraja?

- A Para pemenang pertandingan pidato akan menyampaikan hadiah kepada Guru Besar.
- B Hadiah kepada para pemenang pertandingan pidato akan disampaikan oleh Guru Besar.
- C Majlis penyampaian hadiah Guru Besar akan disampaikan oleh peserta pertandingan pidato.
- D Hadiah kepada pemenang pertandingan pidato akan disampaikan sebentar lagi oleh Guru Besar.

14 *Pilih ayat-ayat yang betul.*

- I Razlan rindu akan datuk dan neneknya yang berada di kampung.
  - II Cikgu Zaleha gemar membeli goreng pisang di gerai Mak Uteh.
  - III Di zaman pendudukan Jepun, rakyat hidup penuh kesengsaraan.
  - IV Balqis memperoleh markah yang paling tinggi dalam mata pelajaran Sains.
- 
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

15 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- I Buah rambutan itu lekang isinya dan sedap dimakan.
  - II Cat pada dinding bangunan lama itu sudah lekang.
  - III Dahan pokok lekang ditiup angin petang semalam.
  - IV Dani melihat ke dalam rumah itu melalui tingkap yang lekang.
- 
- A I, II dan III
  - B II, III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, III dan IV

## Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku memang minat mengembara. Aku ingin mengembara dengan basikal. Setelah mendapat keizinan keluarga, aku pun mengayuh basikal menuju ke utara dengan berbekalkan sejumlah wang.

Pada hari pertama, aku mengayuh sejauh 40 kilometer. Selepas menempuh pelbagai cabaran dan dugaan, akhirnya aku bermalam di sebuah masjid, di bandar Gurun. Pada hari kedua, perjalanan sejauh 50 kilometer aku tempuhi dalam hujan lebat. Aku singgah di rumah kenalanku, Wafi. Aku menceritakan keinginanmu ke utara. Wafi ingin mengikutiku. Malam itu, aku bermalam pula di rumahnya.

Keesokannya, aku dan Wafi mengayuh basikal ke Alor Setar. Tayar basikal Wafi *pancit*. Wafi membonceng basikalku sambil menuntun basikalnya hingga ke kedai basikal. Malam itu, kami tidur di masjid. Sempat jugalah kami berbual tentang kisah lama.

Pada hari berikutnya, kami meneruskan kembara ke Bukit Kayu Hitam. Sepanjang perjalanan, kami melihat panorama yang indah, sawah padi yang menguning, bukit-bukau dan gunung-ganang yang menghijau serta program pembangunan yang pesat di sana sini.

Akhirnya, kami selamat sampai ke rumah datuk. Datuk terpeka apabila melihat aku dan Wafi tercegat di hadapan rumahnya.

**16** Di manakah “aku” singgah pada hari pertama mengembara?

- A** Masjid
- B** Rumah Wafi
- C** Kedai basikal
- D** Rumah datuk

**17** Apakah yang dilakukan oleh “aku” semasa berada di rumah Wafi?

- A** Mengajak Wafi mengembara.
- B** Membaiki basikalnya yang *pancit*.
- C** Berbual-bual tentang kisah lama.
- D** Menceritakan keinginannya ke utara.

**18** Mengapakah datuk terkejut apabila melihat “aku” dan Wafi?

- A** Datuk sudah lama tidak bertemu dengan cucunya.
- B** Datuk sedih melihat keadaan diri cucunya yang tidak terurus.
- C** Datuk tidak menyangka cucunya akan sampai ke Kedah dengan berbasikal.
- D** Datuk terkejut apabila melihat basikal Wafi *pancit*.

19 Perkataan *pancit* dalam petikan bermaksud

- A leper
- B kemik
- C bocor
- D kempis

20 Semua pernyataan di bawah ini benar tentang petikan di atas kecuali

- A Semasa tayar basikal Wafi pancit, dia terpaksa mengayuh basikal “aku”
- B Perjalanan “aku” ke rumah datuknya mengambil masa empat hari
- C Kegemaran “aku” dan kawannya, Wafi hampir sama
- D Kebanyakan tempat tidur “aku” adalah di masjid





## BAHAGIAN B

[ 30 markah ]

### Soalan 21

(a) Pilih jawapan yang paling sesuai untuk melengkapkan tempat kosong dalam petikan di bawah.

kami	beta	dia	mereka
kalian	baginda	tuanku	beliau

Pada hari Sabtu yang lalu, Arisa dan Anis telah pergi ke perpustakaan. \_\_\_\_\_ hendak membaca dan meminjam beberapa buah buku di perpustakaan itu. Ketika Arisa dan Anis sedang berada di perpustakaan, Cikgu Shahrul turut berada di situ. \_\_\_\_\_ sedang mencari buku-buku rujukan untuk memantapkan pengajarannya. Cikgu Shahrul memang seorang guru yang berdedikasi dan rajin. Berkat kerajinan dan sikap dedikasi itu, Cikgu Shahrul telah menerima pingat daripada Sultan Kedah. \_\_\_\_\_ menganugerahi Cikgu Shahrul Pingat Jasa Kebaktian (PJK) ketika sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah baru-baru ini. \_\_\_\_\_ amat berbangga kerana mempunyai seorang guru seperti Cikgu Shahrul.

( 4 markah )

### SOALAN 22.

(a) Padankan peribahasa yang paling sesuai dengan pernyataan di bawah.

i. Puan Aminah menjaga anak tunggalnya dengan penuh kasih sayang.

ii. Sikap pemurah yang dimiliki oleh Azmi mewarisi sikap ibunya.

iii. Ibu sukar memilih baju untuk adik kerana semuanya cantik.

iv. Mohamed Salah sering menjaringkan gol setiap kali diturunkan mewakili pasukan kelabnya.

murah hati

ayam tambatan

bagai bulan jatuh ke riba

rambang mata

bagai menatang minyak yang penuh

bagaimana acuan begitulah kuihnya

( 4 markah )

Soalan 22 (b)

- i. Tulis **ayat songsang** bagi ayat berikut.  
Kasim dan Osman pergi ke sungai untuk memancing ikan.

---




---



---

( 2 markah )

- ii. Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul.



i	TuanKu gembira mendengar perkhawaran itu.	Hamba amat bersyukur tuanku.	
ii	Patik cadangkan nama tempat ini ditukarkan.	Tuan hamba pun rasa begitu.	
iii	Baginda perintahkan tuan hamba yang menjalankan tugas itu.	Beta harap begitulah.	
iv	Beta mahu persiapan untuk menyambut keberangkatan balik anakanda beta disegerakan.	Ampun tuanku. Patik menjunjung perintah.	

( 2 markah )

(c) Tanda ( ✓ ) pada pilihan jawapan yang betul bagi mengisi tempat kosong di dalam ayat.

i. Cikgu Sani mengarahkan \_\_\_\_\_ murid lelaki turun dari bas dengan berhati-hati.

semua

beberapa

sekalian

ii. Encik Amin bersetuju untuk menjadi \_\_\_\_\_ Encik Morad dalam perniagaan atas talian.

rakan sejawat

rakan kongsi

rakan lama

iii. Laksamana Hang Tuah akan \_\_\_\_\_ kepada Sultan Mansur Syah agar mengizinkannya untuk pulang ke Bentan.

mencemar duli

merafak sembah

menjunjung titah

### Soalan 23

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Adam : Ayah, gerabak kereta api canggih ini bergerak dengan laju sekali.
- Ayah : Ya, Adam. Itu gerabak baharu dan ini pula gerabak lama. Dahulu, kita menggunakan gerabak lama untuk ke Bukit Bendera yang setinggi 830 meter dari aras laut.
- Adam : Apakah perbezaan antara teknologi gerabak lama dengan yang baharu ini, ayah?
- Ayah : Gerabak lama ini lebih kecil dan digerakkan dengan teknologi kabel. Oleh itu, masa perjalanan untuk sampai ke puncak agak lama.
- Adam : Gerabak baharu yang serba canggih dan moden buatan negara Switzerland ini, menggunakan kuasa elektrik. Benarkah ayah?
- Ayah : Benar. Gerabak yang berhawa dingin ini juga dapat membawa 50 orang penumpang dalam satu-satu perjalanan tanpa henti ke puncak Bukit Bendera.

(a) Apakah perbezaan antara teknologi gerabak lama dengan gerabak baharu?

---

---

---

( 2 markah )

(b) Tandakan ( ✓ ) bagi pernyataan yang betul dan ( ✗ ) bagi pernyataan yang salah.

Gerabak baharu serba canggih dan moden ini buatan negara Swaziland.	<input type="checkbox"/>
Kereta api baharu digerakkan menggunakan kuasa elektrik.	<input type="checkbox"/>
Bukit Bendera tingginya 803 meter dari aras laut.	<input type="checkbox"/>

( 3 markah )

## SOALAN 24

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

### Ketika ke Sekolah

Ketika kaki ini mengorak langkah ke gedung ilmu  
Tangan ayah dan ibu  
Kukucup pohon restu

Ketika menaiki bas  
Berbaris aku tidak terlepas  
Kuamati *waspada* langkah  
Agar tidak sumbang tingkah

Ketika bas membelah jalan  
Etika berhemah aku biasakan  
Aku patuhi pesan ayah dan ibu  
Usah berlari, tatapilah buku  
Di tangga aku tidak berdiri, di tingkap tidak aku jengahi

Ketika gedung ilmu kulihat  
Dengan tenang  
Roda bas kutunggu berhenti  
Tidak kumahu mengundang tragedi

Ketika kaki ini menjejak ke gedung ilmu  
Tangan kuangkat tanda kesyukuran  
Aku selamat dalam perjalanan

(a) Perkataan *waspada* dalam petikan boleh digantikan dengan \_\_\_\_\_  
( 1 markah )

(b) Berdasarkan sajak di atas, nyatakan pesanan ayah dan ibu.

- i. \_\_\_\_\_
  - ii. \_\_\_\_\_
- ( 2 markah )

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku sekiranya kita tidak menjaga keselamatan diri ketika berada di dalam bas?

---

---

---

---


( 2 markah )

### SOALAN 25

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

## PERTANDINGAN DEKLAMASI PUISI PERPADUAN BERSEMPENA DENGAN HARI PERPADUAN

Tarikh : **11 Julai 2018**  
Masa : **8.00 pagi**  
Tempat : Dewan Gemilang  
Sekolah Kebangsaan Taman  
Gemilang



**HADIAH  
MENARIK  
MENANTI  
ANDA**

#### **SYARAT :**

- Terbuka kepada murid tahap dua sahaja
- Penyertaan adalah secara berkumpulan
- Setiap kumpulan mesti terdiri daripada tiga orang peserta yang berbilang kaum.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Sesiapa yang berminat, sila hubungi **Cikgu Shafie** atau **Cikgu Sarah**
- Tarikh tutup penyertaan **sebelum** atau **pada** 4 Julai 2018

(a) Pertandingan Deklamasi Puisi Perpaduan bersempena dengan Hari Perpaduan diadakan di \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

( 1 markah )

(b) Nyatakan syarat-syarat Pertandingan Deklamasi Puisi Perpaduan.

i.

\_\_\_\_\_

ii.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

( 2 markah )

(c) Pada pendapat kamu, apakah hadiah yang sesuai diberikan kepada pemenang Pertandingan Deklamasi Puisi Perpaduan?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

( 2 markah )

